

**Firma Malaysia Raih Jualan RM755 Juta Daripada Sektor Pembinaan Indonesia  
Bernama  
6 September 2011**

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Delegasi perdagangan Malaysia ke Jakarta, Indonesia, yang terdiri daripada syarikat-syarikat daripada sektor pembinaan dan bahan binaan, meraih jualan sebanyak RM755 juta daripada sektor pembinaan negara.

Misi berkenaan bermula 26-29 Julai, dianjurkan secara bersama oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MBAM).

Misi yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MATRADE, Dr Wong Lai Sum, juga melibatkan urusan niaga di Singapura dan China.

"Keperluan bagi pakar Malaysia dalam perundingan dan senibina bangunan mesra alam merupakan bidang penting perbincangan semasa misi tersebut.

"Rekod prestasi dan reputasi baik syarikat-syarikat Malaysia dalam menyampaikan hasil yang berkualiti tinggi bagi projek-projek pembangunan dan infrastruktur luar negara, menarik minat komuniti perniagaan dan agensi kerajaan Indonesia," demikian menurut MATRADE dalam satu kenyataan Selasa.

Ia berkata misi itu juga menyediakan platform bagi peserta pembinaan dan bahan binaan Malaysia memanfaatkan keperluan pasaran Indonesia yang luas untuk infrastruktur baru.

Projek infrastruktur, loji tenaga, perkhidmatan rawatan air dan pembinaan juga dikenal pasti antara peluang perniagaan yang ada di Indonesia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=611740>